



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Blok 2. Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

# **SIARAN MEDIA**

**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

## **SASARAN WILAYAH PERSEKUTUAN SEBAGAI TEMPAT PERTAMA SUKAN MALAYSIA KE XV, PAHANG 2012 MENGATASI NEGERI TERENGGANU**

**25 Mei 2012, PUTRAJAYA** – Exco Kerajaan Negeri Pahang hari ini mengunjungi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) untuk menyerahkan watikah jemputan Sukan Malaysia XV, Pahang 2012 kepada YBhg. Dato' Ahmad Phesal bin Hj Talib, Ketua Setiausaha KWPKB di Menara Seri Wilayah.

2. Penyerahan watikah ini merupakan jemputan secara rasmi tuan rumah bagi Temasya Sukan Malaysia ke semua negeri bagi mengalu-alukan penyertaan setiap negeri ke temasya sukan tersebut. Penyerahan Watikah Jemputan "Jelajah Kembara Sukan Malaysia XV, Pahang 2012" adalah bertujuan untuk menjemput Wilayah Persekutuan sebagai kontinjen Temasya Sukan Malaysia XV di Pahang dan juga menyampaikan jemputan rasmi kepada YB Menteri dan YB Timbalan Menteri WPKB untuk menghadiri aktiviti dan acara sukan yang dipertandingkan semasa temasya sukan tersebut.

3. Pelbagai perancangan strategi dan persiapan telah laksanakan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) untuk mencapai **sasaran sebagai tempat pertama** Sukan Malaysia kali ini dengan mengatasi kedudukan Negeri Terengganu. Semua persatuan sukan WP telah membuat pemilihan atlet yang bakal bertanding mengikut acara sukan masing-masing di mana para atlet tersebut telah dan sedang menjalani latihan intensif di dalam dan di luar negara. MSWP turut mengimport jurulatih dari luar negara untuk sukan wusyu dan juga gimnastik iaitu dari negara China dan Rusia.

4. KWPKB dan MSWP juga telah melaksanakan **Program Atlet Elit Wilayah Persekutuan** yang merupakan salah satu daripada *valuable goodies* Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012. Program ini telah memberikan impak yang besar terhadap industri sukan kerana atlet-atlet tersebut merupakan atlet yang cemerlang yang telah menyumbang 34 pingat emas daripada jumlah keseluruhan 43 pingat emas yang diperolehi semasa SUKMA XIII, Melaka pada tahun 2011 yang lalu.
5. Perancangan strategi yang mantap dan persiapan rapi yang dilaksanakan menunjukkan kesungguhan pihak KWPKB dan MSWP yang sentiasa menyokong program-program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan untuk memastikan Kontinen Wilayah Persekutuan terus cemerlang dan dapat merealisasikan sasaran serta berjaya mengatasi kedudukan Negeri Terengganu di SUKMA XV, Pahang ini.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

25 Mei 2012  
Putrajaya